

Program ‘*Unimas to China:A Diplomatic Journey Begins - Session 3*’ adalah program lawatan yang dianjurkan oleh pelajar tahun akhir program Kajian Antarabangsa dari Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak. Program ini disertai seramai 30 orang iaitu 25 orang pelajar tahun akhir dan 5 orang pensyarah pengiring. Program ini berlangsung selama tujuh hari mulai 6 April 2013 hingga 12 April 2013.

Program ini bertujuan sebagai lawatan sambil belajar dan mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan China terutamanya dalam kalangan mahasiswa/i kedua-dua universiti iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Beijing Foreign Studies University (BFSU). China telah menjadi lokasi pilihan program ini kerana ia merupakan salah satu tempat yang terkenal sebagai pusat ilmu intelektual yang tersohor serta mempunyai banyak nilai sejarah untuk diterokai seperti sejarah kesenian masyarakat China. BFSU merupakan salah sebuah universiti yang melatih bakal-bakal duta dan pembuat dasar di China, Oleh itu, program lawatan ini bertepatan dengan bidang yang diambil dan kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar program Kajian Antarabangsa, Universiti Malaysia Sarawak.

Selama lima hari berkampung di China, kami disediakan dengan jadual lawatan yang padat dan ketepatan masa amat diperlukan untuk menjayakan setiap matlamat lawatan. Pada hari pertama, kami melawat kedai jed, dimana kedai ini memperkenalkan jenis-jenis jed dan pelbagai ukiran jed. Di kedai ini juga, menunjukkan bagaimana jed diukir dan dibentuk menjadi perhiasan. Setelah diberi penerangan dan pencerahan tentang jed, kami dibawa ke bahagian kedai dimana terdapat penjualan pelbagai barang atau perhiasan yang diperbuat daripada jed. Lawatan hari pertama diteruskan ke salah satu monumen yang mendapat pengiktirafan tujuh keajaiban dunia, iaitu Tembok Besar China. Keteguhan Tembok Besar China yang dibangunkan pada abad ke-7 amat mengagumkan. Terdapat banyak bahagian tembok besar ini, namun kami dibawa melawat di bahagian Shuiguan, yang mana bahagian ini merupakan kawasan yang strategik kerana dibina di pintu masuk lembah yang berbahaya, penggulungan angin yang berbentuk ‘V’ pada rabung yang kelihatan seperti naga. Setelah mendaki dan menikmati pemandangan di Tembok Besar China, kami bergerak ke “Burning Cream Center” dan kedai Kristal.

Hari kedua merupakan lawatan rasmi dimana kami bergerak ke BFSU untuk menjalankan objektif utama lawatan ke China. Setibanya kami diluar kawasan BFSU,

terdapat papan elektronik yang memaparkan “Welcome the Group of University Malaysia Sarawak”. Kami disambut baik oleh seorang siswazah sarjana yang ditugaskan untuk mengiring kami ke dewan perbincangan. Lawatan ke BFSU disertai juga oleh kumpulan staf bukan akademik dari Universiti Malaysia Sarawak yang pada ketika itu sedang mengadakan lawatan ke pusat-pusat pengajian di China. Perbincangan dimulakan oleh kata aluan daripada pihak BFSU dan dibalas pengucapan terima kasih pihak UNIMAS kepada pihak BFSU yang sudi menerima kunjungan kami. Pengenalan tentang UNIMAS dan BFSU dibentangkan oleh wakil masing-masing. Majlis perbincangan ini diserikan lagi dengan persembahan tarian suku Bidayuh yang disediakan oleh pihak kami. Setelah persembahan tarian ini selesai, kami telah mengajak para siswazah BFSU untuk cuba menari bersama. Suasana riuh dan mesra diperlihatkan semasa tarian berlangsung. Acara diteruskan dengan pecahan pencampuran kumpulan-kumpulan kecil pelajar kedua-dua universiti.

Lawatan rasmi ini diteruskan ke Peking University yang merupakan universiti utama di China. Kami dibawa melawat ke beberapa kawasan di universiti ini. Keunikan prasarana dan keindahan landskap universiti ini amat mengagumkan. Ia mengekalkan infrastruktur tradisional dan binaan moden. Seterusnya, kami menghala ke daerah Chaoyang, yang merupakan lokasi kedutaan-kedutaan asing di Beijing, China termasuklah kedutaan Malaysia di Beijing. Kedatangan kami disambut mesra oleh setiausaha kedutaan Malaysia. Kami dibawa ke ruang perbincangan dan diberi beberapa taklimat ringkas tentang kedutaan Malaysia di China. Setelah beberapa ketika, Duta Besar Malaysia di China, Datuk Iskandar Sarudin meluangkan masa untuk bersama kami. Sesi soal jawab berlangsung sehingga jam 4 petang.

Pada hari ketiga kami melawat stadium sarang burung atau lebih dikenali sebagai “Bird Nest”. Stadium ini menjadi salah satu kebanggaan negara China dimana struktur dan bentuk stadium ini seperti sarang burung yang memerlukan kepakaran dan kos belanjawan yang tinggi semasa pembinaannya. Stadium ini dibangunkan sempena sukan olimpik yang berlangsung di China pada tahun 2008. Berdekatan dengan stadium ini adalah kolam renang yang digunakan semasa sukan olimpik yang dikenali sebagai “Water Cube”. Infrastruktur bangunan ini amat menakjubkan dimana dinding bangunan ini kelihatan seperti molekul air. Selepas makan tengah hari, kami bergerak ke sebuah

tempat bersejarah di China iaitu lapangan Tiananmen atau dikenali sebagai Tiananmen Square. Lapangan Tiananmen merupakan satu lapangan pusat bandar yang amat luas yang berada di tengah Beijing. Lapangan ini merupakan pintu masuk ke Kota Istana Terlarang (Forbidden City). “Forbidden City” merupakan istana masyarakat China daripada Dinasti Ming hingga pengakhiran Dinasti Qing. Hampir 500 tahun istana ini digunakan sebagai kediaman maharaja-maharaja China beserta isi-isi rumah dan juga merupakan pusat pemerintahan dan majlis-majlis rasmi kerajaan China. Kota ini berkeluasan 7,800,000 persegi. Destinasi berikutnya, kami dibawa ke pertunjukan akrobatik, yang mana pertunjukan ini sangat menghiburkan.

Hari berikutnya, kami bergerak ke gedung sutera. Kami diberi penerangan tentang penghasilan sutera dan dibawa kebahagian penjualan produk-produk sutera. Setelah membeli-belah di gedung sutera ini, kami bergerak ke pusat mutiara air tawar yang berdekatan dengan Stadium Olimpik. Di sini, kami diberi penerangan tentang produk-produk mutiara air tawar. Seterusnya, kami menuju ke istana musim panas iaitu “Summer Palace”. Kawasan istana ini merupakan satu kawasan istana yang mempunyai tasik buatan yang terbesar dan terluas iaitu tasik Kunming, dan bukit yang berketinggian 60 meter mempunyai bangunan istana yang unik di pinggirannya yang dikenali sebagai “Longevity Hill”. Setelah penat berjalan di kawasan tasik istana yang luas dan menikmati udara sejuk kawasan istana ini, kami singgah ke masjid Nandouya untuk menunaikan solat zohor. Setelah usai menunaikan solat, perjalanan diteruskan ke pusat perubatan herba (Herbal Medicine Center). Di pusat ini, kami menerima perkhidmatan urutan kaki dan diberi penerangan tentang perubatan herba masyarakat China. Seterusnya kami dibawa ke Dr. Tea House, dimana kami dihidangkan pelbagai jenis teh serta diperkenalkan produk-produk yang berkaitan dengan teh seperti set teko teh masyarakat China. Destinasi seterusnya adalah pasar Xiu Shui yang memerlukan kepakaran kami untuk berunding harga terendah.

Hari terakhir kami di China, kami dibawa ke Zhu Xian Nv iaitu pusat menjual produk-produk yang dibuat daripada buluh. Sememangnya buluh merupakan salah satu lambang kebudayaan China dimana, sarjana-sarjana China pada suatu ketika dahulu sangat menggemari pokok buluh. Seterusnya, kami dibawa pasar Ya Xui dan pasar Russian untuk membeli-belah. Pada sebelah lewat petang, kami bergerak ke “Wangfujing

Shopping Street & Its Night Food Market". Kawasan ini merupakan salah satu kawasan pusat membeli-belah dan terdapat gerai-gerai yang menjual makanan-makanan eksotik seperti lipan, tapak sulaiman, kala jengking, landak laut dan katak. Namun, terdapat juga makanan yang halal dijual di pasar malam ini seperti sup perut lembu dan buah-buahan yang disalut madu dan air gula. Setelah puas berjalan dan mencuci mata, kami mula bergerak ke lapangan terbang untuk pulang ke tanah air tercinta.

Kesimpulannya, lawatan sambil belajar ke China amat memberi manfaat kepada peserta lawatan dimana kami dapat mengenali negara luar dengan pengalaman sendiri. Kami lebih yakin dan mengetahui tentang kebudayaan, polisi dan dasar negara luar dengan lebih dekat apabila kami menjalankan perbincangan dengan rakan pelajar di negara tersebut. Di samping itu dengan menyelusuri sendiri tempat-tempat penting dan bersejarah di Beijing serta perbincangan dengan rakan pelajar di BFSU kami dapat menambah pengetahuan dan pengalaman.

## Lampiran

